

PM boleh pulang dalam dua hari

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menjalani pembedahan pitaasan koronari di Hospital Besar Kuala Lumpur 10 hari lepas, dijangka dibenarkan pulang sehari dua lagi.

Pengarah hospital Datuk Dr C Fonseka memberitahu pemberita, yang mengunjungi Perdana Menteri di wadnya hari ini, bahawa Datuk Seri Dr Mahathir beransur pulih sejak pembedahan itu pada 24 Januari.

Ketua pasukan yang menjalankan pembedahan itu, Dr Yahya Awang yang turut hadir, berkata beliau

amat berpuas hati dengan kemajuan pada kesihatan Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang duduk di atas sebuah kerusi panjang bersama isterinya, kelihatan terharu dengan kedatangan lebih 10 orang wartawan dan jurugambar.

"Saya nampak beberapa muka lama," katanya.

Ditanya keadaannya, beliau berkata "Saya rasa sihat."

Perdana Menteri juga mengambil kesempatan itu mengucapkan "Gong Xi Fa Cai" kepada masyarakat Cina.

Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti-Hasmah mengucap terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang mendoakan agar Perdana Menteri cepat sembuh.

Beliau juga melahirkan penghargaan kepada mereka yang menghantar bunga serta perutusan-perutusan.

Perdana Menteri berjalan-jalan dalam wad khas itu dan juga keluar ke anjung.

Beliau juga bergurau dengan setiausaha akhbarnya, Eneik Jalaludin Bahaudin, dan doktor yang hadir. — Bernama



➔
PERDANA Menteri sedang melangkah keluar dari wad khasnya.

➔
PERDANA Menteri sedang membincangkan sesuatu dengan Pengarah Hospital Besar Kuala Lumpur, Datuk Dr C Fonseka, dan Dr Yahya Awang.

